

**SEJARAH PENYEBARAN COVID-19  
DI MALAYSIA (2019-2021)**



**NURLAILAH BINTI KAHARUDIN**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**SEJARAH PENYEBARAN COVID-19  
DI MALAYSIA (2019-2021)**

**NURLAILAH BINTI KAHARUDIN**



**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN  
UNTUK MEMENUHI SYARAT  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA  
SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN  
DALAM BIDANG SEJARAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

## PENGESAHAN

JUDUL : **SEJARAH PENYEBARAN COVID-19 DI MALAYSIA (2019-2021)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **NURLAILAH BINTI KAHARUDIN** sesi **2021-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ) :

SULIT

TERHAD

/

TIDAK  
TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



---

**NURLAILAH BINTI KAHARUDIN**  
**BA19110718**

Disahkan Oleh,



**EKO PRAYITNO JOKO**  
Pensyarah Program Sejarah  
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan  
Universiti Malaysia Sabah

---

**(ENCIK EKO PRAYITNO JOKO)**  
**PENYELIA**

## PENAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Sejarah Penyebaran COVID-19 di Malaysia (2019-2021) ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



11 OGOS 2022

---

NURLAILAH BINTI  
KAHARUDIN  
BA19110718



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN



Alhamdulillah, lafaz syukur ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya dapat menyiapkan penulisan ilmiah (tesis) ini bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Sejarah) dengan tempoh masa yang ditetapkan. Rintangan yang saya hadapi sepanjang tempoh perjuangan ini berjaya diatasi dan menjadikan saya insan yang lebih sabar akan manisnya sebuah perjuangan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Encik Eko Prayitno Joko selaku penyelia saya sepanjang penulisan latihan ilmiah ini. Segala pengorbanan beliau dari segi masa, tunjuk ajar, bimbingan serta nasihat akan saya semai dalam mematangkan pengalaman sepanjang bersama penyeliaan beliau. Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah yang terlibat sama dalam menyempurkan penulisan latihan ilmiah ini.

Demikian juga, jutaan terima kasih tidak terhingga kepada keluarga tercinta saya Kaharudin Kemang (Bapa), Siti Aisah Azhar (Ibu) dan abang tersayang saya Abdul Salam Kaharudin yang tidak jenuh dalam memberi suntikan semangat, nasihat, kewangan serta memahami keadaan dan situasi selama proses menyiapkan latihan ilmiah ini dengan memberikan kenyamanan selama berada di rumah dalam suasana pandemik COVID-19.

Sehubungan dengan itu juga, segunung ucapan terima kasih kepada sahabat-sahabat seperjuangan saya terutamanya Sahrhani Ishak, Nur Syafiqah Said, Saripah Azmirah Lipse, Nur Izzani Noh dan Norasmidah Syahirah Hadriansjah yang terus memberikan semangat dan tunjuk ajar dari awal hingga akhir latihan ilmiah ini terhasil. Tidak lupa kepada rakan-rakan yang juga di bawah seliaan Encik Eko yang turut sama-sama membantu menjayakan penulisan ini.

Akhir kata, sekali lagi ribuan terima kasih kepada semua pihak Universiti Sabah Malaysia yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang penulisan latihan ilmiah ini. Jasa kalian tidak dapat saya balas satu persatu namun hanya mampu berdoa kepada Allah SWT agar diberikan kesihatan yang baik, dimurahkan rezeki, dikelilingi orang-orang baik dan memohon supaya budi baik kalian dibalas Allah dengan ganjaran pahala yang besar.

**NURLAILAH BINTI KAHARUDIN**  
**11 OGOS 2022**

## ABSTRAK

Kajian ini mengangkat berkaitan sejarah penyebaran COVID-19 di Malaysia dalam tempoh 2019 hingga 2021. COVID-19 telah menjadi satu fenomena global yang banyak mengubah pola kehidupan masyarakat dunia, tidak terkecuali Malaysia. Kajian ini dilakukan bertujuan agar mengubah stigma masyarakat Malaysia mengenai penyebaran COVID-19. Selain itu, membantu generasi muda mengenali serta memahami pensejarahan COVID-19 dalam Malaysia juga menjadi kepentingan kajian ini. Tidak hanya itu, peristiwa yang direkodkan selama pandemik COVID-19 dapat dijadikan pengajaran dan pedoman untuk generasi akan datang. Maka sebab itu, beberapa objektif telah digariskan antaranya (i) membahaskan geneologi sejarah COVID-19 di Malaysia bermula dari gelombang pertama, gelombang kedua dan gelombang ketiga, (ii) meneliti cabaran dan implikasi yang dihadapi masyarakat Malaysia semasa penyebaran COVID-19 di Malaysia dan (iii) menganalisis inisiatif kerajaan Malaysia mengawal masalah penyebaran COVID-19 di Malaysia. Dalam usaha merealisasikan matlamat terbabit, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang didominasi oleh pembacaan secara rapi (*close reading*) menggunakan sumber-sumber yang diperolehi daripada laporan kerajaan, buku, artikel, jurnal, akhbar digital dan sumber kepustakaan lainnya. Hasil daripada kajian ini mendapati sejauhmanakah penularan COVID-19 dapat mengganggu kehidupan masyarakat sehingga menjadi cabaran dan implikasi yang harus dilalui masyarakat di negara ini dengan hanya berfokuskan kepada tiga aspek iaitu pekerjaan, perniagaan dan keselamatan. Diikuti dengan kerajaan selaku pemimpin negara telah melaksanakan beberapa inisiatif jangka panjang dan pendek dalam usaha mengawal penularan termasuklah pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berfasa, penutupan sempadan serta advokasi media dan komunikasi. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan geneologi sejarah COVID-19 yang berlaku di Malaysia memiliki kepentingan dalam bidang sejarah khususnya sejarah sosial.

**Kata Kunci:** COVID-19, Geneologi, Cabaran, Implikasi, Inisiatif Kerajaan

## **ABSTRACT**

### **History of COVID-19 Spread in Malaysia (2019-2021)**

This study examines the history of the spread of COVID-19 in Malaysia in the period from 2019 to 2021. COVID-19 has become a global phenomenon that has greatly changed the life patterns of the world community, not least Malaysia. In relation to that, this study was conducted in order to change the stigma of the Malaysian community regarding the spread of COVID-19. In addition, helping the younger generation to recognize and understand the history of COVID-19 in Malaysia is also important in this study. Not only that, the events recorded during the COVID-19 pandemic can be used as lessons and guidelines for future generations. Therefore, several objectives have been outlined including (i) debating the genealogy of the history of COVID-19 in Malaysia starting from the first wave, the second wave and the third wave, (ii) examining the challenges and implications faced by the Malaysian community during the spread of COVID-19 in Malaysia and (iii) analyze the Malaysian government's initiative to control the spread of COVID-19 in Malaysia. In an effort to realize the goal involved, this study uses a qualitative approach dominated by close reading using sources obtained from government reports, books, articles, journals, digital newspapers and other library sources. The results of this study found the extent to which the spread of COVID-19 can disrupt people's lives to the extent that it becomes a challenge and implication that people in this country must go through by only focusing on three aspects, namely employment, business and security. Followed by the government as national leaders have implemented several long-term and short-term initiatives in an effort to control contagion, including the phased implementation of the Movement Control Order (MCO), border closures, as well as media and communication advocacy. Overall, this study proves that the genealogy of the history of COVID-19 that happened in Malaysia has importance in the field of history, especially social history.

**Keywords:** COVID-19, Genealogy, Implications, Challenges, Government Initiatives

# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI PETA</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1      PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1      Latar Belakang Kajian	1
1.2      Permasalahan Kajian	2
1.3      Objektif Kajian	5
1.4      Sorotan Literatur	5
1.5      Kepentingan Kajian	10
1.6      Skop Kajian	11
1.7      Metodologi Kajian	14
1.8      Pembahagian Bab	15
1.9      Kesimpulan	16
<b>BAB 2      COVID-19: SATU GENELOGI SEJARAH</b>	<b>17</b>
2.1      Pengenalan	17
2.2      COVID-19: Satu Pendefinisian	17
2.3      COVID-19: Satu Telusuran Sejarah	19
2.4      Perkaitan Haiwan Dengan COVID-19	21
2.5      Sejarah COVID-19 di Malaysia: Suatu Pembahasan	23
2.5.1    Gelombang Pertama Jangkitan COVID-19	24
2.5.2    Gelombang Kedua Jangkitan COVID-19	26



	2.5.3	Gelombang Ketiga Jangkitan COVID-19	30
2.6		Kesimpulan	33
<b>BAB 3</b>		<b>COVID-19: TELUSURAN CABARAN DAN IMPLIKASI PENYEBARAN</b>	35
3.1		Pengenalan	35
3.2		Cabaran yang Dihadapi Negara dan Masyarakat Malaysia Ketika Pandemik COVID-19	35
	3.2.1	Ekonomi Negara	36
	3.2.2	Politik	39
	3.2.3	Pematuhan Peraturan Kerajaan	42
	3.2.4	Institusi Pendidikan	45
		i. Cabaran Pengendalian PdPR Dalam Talian terhadap Tenaga Pengajar	46
		ii. Cabaran Pengendalian PdPR Dalam Talian terhadap Pelajar	48
		iii. Cabaran Pengendalian PdPR Dalam Talian terhadap Ibu Bapa	49
3.3		COVID-19: Implikasi Terhadap Aspek Kehidupan Masyarakat Malaysia	51
	3.3.1	Sektor Pekerjaan dan Perniagaan	51
	3.3.2	Sektor Keselamatan	58
3.4		Kesimpulan	60
<b>BAB 4</b>		<b>COVID-19 DI MALAYSIA: INISIATIF KERAJAAN MENGAWAL PENULARAN DAN MEMULIHKAN EKONOMI NEGARA</b>	62
4.1		Pengenalan	62
4.2		Strategi Norma Baharu: Inisiatif Kerajaan mengawal Penularan COVID-19 di Malaysia	62
	4.2.1	Kawalan Pergerakan: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	63
		i. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	64
		ii. Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)	69
		iii. Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	71
		iv. Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)	74
	4.2.2	Kawalan Pergerakan: Pelan Pemulihan Negara (PPN)	74
		i. Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1	76
		ii. Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2	78
		iii. Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 3	79
		iv. Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4	79
	4.2.3	Kawalan Sempadan	80
4.3		Inisiatif Kerajaan semasa COVID-19: Advokasi Media dan Komunikasi	81
4.4		Inisiatif Kerajaan semasa COVID-19: Merangsang	85

	Kembali Pertumbuhan Ekonomi	
	4.4.1 Pekerjaan	86
	4.4.2 Perniagaan	88
	4.4.3 Pendidikan	90
4.5	Kesimpulan	92
<b>BAB 5</b>	<b>RUMUSAN</b>	93
<b>RUJUKAN</b>		100
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>		114



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI PETA

		Halaman
Peta 1.1:	Kes Positif Mengikut Negeri Setakat 1 Julai 2020	13



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 4.1:	Perintah Kawalan Pergerakan Mengikut Fasa, 2020-2021	64
Jadual 4.2:	Empat Fasa Pelan Pemulihan Negara	75



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI GAMBAR

		Halaman
Gambar 2.1	Gelombang Kejadian COVID-19 di Malaysia (2020-2021)	24
Gambar 2.2	Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 sehingga 17 Mac 2020	27
Gambar 2.3	Kluster COVID-19 Persidangan Keagamaan di Gereja Kuching, Sarawak	29
Gambar 4.1:	Status COVID-19 Malaysia pada 3 Mei 2020	68
Gambar 4.2:	Sistem Permesejan Ringkas (SMS) daripada MKN dan Kerajaan Mengenai Peringatan Penipuan	82
Gambar 4.3:	Langkah-Langkah Pencegahan COVID-19	84



## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Perbandingan Genom DNA SARS-CoV-2, Pangolin-CoV dan BatCoV	22
Rajah 3.1: Statistik Pertumbuhan KDNK Malaysia Bulanan dan Suku Tahunan (2020-2021)	38
Rajah 3.2: Statistik Penganggur, Malaysia, Januari 2020-Disember 2021	53
Rajah 3.3: Statistik Kadar Pengangguran, Malaysia, Januari 2020-Disember 2021	54
Rajah 4.1: Statistik Kes COVID-19 selama Pelaksanaan PKP Fasa 1 hingga Fasa 4	69
Rajah 4.2: Statistik Kes COVID-19 selama Pelaksanaan PKPB Fasa 1 dan Fasa 2	70
Rajah 4.3: Statistik Kes Harian COVID-19 dari 1 Julai hingga 21 Julai 2020	73
Rajah 4.4: Statistik Kes Harian COVID-19 dari 15 Mei hingga 28 Mei 2021	77



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

<i>APM</i>	<i>Angkatan Pertahanan Awam Malaysia</i>
<i>ATM</i>	<i>Angkatan Tentera Malaysia</i>
<i>BPN</i>	<i>Bantuan Prihatin Nasional</i>
<i>CoV</i>	<i>Coronavirus</i>
<i>COVID-19</i>	<i>Coronavirus Disease 2019</i>
<i>CPRC</i>	<i>Crisis Preparedness and Response Centre</i>
<i>CSA</i>	<i>Cobfidence and Supply Agreement</i>
<i>DoSM</i>	<i>Department of Statistics Malaysia</i>
<i>DUN</i>	<i>Dewan Undangan Negeri</i>
<i>FELDA</i>	<i>Federal Land Development Authority</i>
<i>FP</i>	<i>Focal Point</i>
<i>GB</i>	<i>Gigabyte</i>
<i>GPS</i>	<i>Global Positioning System</i>
<i>HRDF</i>	<i>Human Resource Development Fund</i>
<i>ICT</i>	<i>Information and Communications Technology</i>
<i>ICU</i>	<i>Intensive Care Units</i>
<i>IHR</i>	<i>International Health Regulations</i>
<i>IMF</i>	<i>International Monetary Fund</i>
<i>IPT</i>	<i>Institusi Pengajian Tinggi</i>
<i>IPTA</i>	<i>Institusi Pengajian Tinggi Awam</i>
<i>IPTS</i>	<i>Institusi Pengajian Tinggi Swasta</i>
<i>JKN</i>	<i>Jabatan Kesihatan Negeri</i>
<i>JTK</i>	<i>Jabatan Tenaga Kerja</i>
<i>KDNK</i>	<i>Keluaran Dalam Negara Kasar</i>
<i>KKM</i>	<i>Kementerian Kesihatan Malaysia</i>
<i>KLIA</i>	<i>Kuala Lumpur International Airport</i>
<i>KPDNHEP</i>	<i>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna</i>
<i>KPKT</i>	<i>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</i>
<i>KPT</i>	<i>Kementerian Pelajaran Tinggi</i>
<i>KSM</i>	<i>Kementerian Sumber Manusia</i>
<i>MAMPU</i>	<i>Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia</i>
<i>MARA</i>	<i>Majlis Amanah Rakyat</i>
<i>MER-CoV</i>	<i>Middle East Respiratory Syndrome-related Coronavirus</i>
<i>MIER</i>	<i>Malaysian Institute of Economic Research</i>
<i>MKI</i>	<i>Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia</i>
<i>MKN</i>	<i>Majlis Keselamatan Negara</i>
<i>MoU</i>	<i>Memorandum of Understanding</i>
<i>MPN</i>	<i>Majlis Pemulihan Negara</i>
<i>NBER</i>	<i>National Bureau of Economic Research</i>
<i>OKT</i>	<i>Orang Kena Tahan</i>
<i>PBT</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>
<i>PdP</i>	<i>Pengajaran dan Pembelajaran</i>
<i>PdPR</i>	<i>Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah</i>
<i>PDRM</i>	<i>Polis Diraja Malaysia</i>

<i>PEMERKASA</i>	<i>People and Economic Strategic Empowerment Programme</i>
<i>PEMULIH</i>	<i>Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi</i>
<i>PENJANA</i>	<i>Pelan Jana Semula Ekonomi Negara</i>
<i>PERKESO</i>	<i>Pertubuhan Keselamatan Sosial</i>
<i>PERMAI</i>	<i>Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia</i>
<i>PH</i>	<i>Pakatan Harapan</i>
<i>PKD</i>	<i>Pusat Kesihatan Daerah</i>
<i>PKP</i>	<i>Perintah Kawalan Pergerakan</i>
<i>PKPB</i>	<i>Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat</i>
<i>PKPD</i>	<i>Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan</i>
<i>PKPP</i>	<i>Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan</i>
<i>PMA</i>	<i>Pintu Masuk Antarabangsa</i>
<i>PMN</i>	<i>Pintu Masuk Negara</i>
<i>PN</i>	<i>Perikatan Nasional</i>
<i>PPN</i>	<i>Pelan Pemulihan Negara</i>
<i>PRIHATIN</i>	<i>Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat</i>
<i>PRK</i>	<i>Pilihan Raya Kecil</i>
<i>PRN</i>	<i>Pilihan Raya Negeri</i>
<i>PRU</i>	<i>Pilihan Raya Umum</i>
<i>PTPK</i>	<i>Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran</i>
<i>PTPTN</i>	<i>Perbadanan Tinggi Pendidikan Tinggi Nasional</i>
<i>RELA</i>	<i>Jabatan Sukarelawan Malaysia</i>
<i>RTO</i>	<i>Reny To Own</i>
<i>SARS-CoV</i>	<i>Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus</i>
<i>SIP</i>	<i>Sistem Insurans Pekerjaan</i>
<i>SIP</i>	<i>Sistem Insurans Pekerjaan</i>
<i>SKMM</i>	<i>Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia</i>
<i>SMS</i>	<i>Sistem Permesejan Ringkas</i>
<i>SOP</i>	<i>Standard Operating Procedure</i>
<i>SPR</i>	<i>Suruhanjaya Pilihan Raya</i>
<i>VOC</i>	<i>Variants of Concern</i>
<i>VOI</i>	<i>Variants of Interest</i>
<i>WFH</i>	<i>Work From Home</i>
<i>WHO</i>	<i>World Health Organization</i>
<i>YDPA</i>	<i>Yang di-Pertuan Agong</i>
<i>YDPN</i>	<i>Yang di-Pertua Negeri</i>



# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang dapat menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat pelbagai jenis coronavirus, seperti *Middle East Respiratory Syndrome-related Coronavirus* (MER-CoV) dan *Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus* (SARS).<sup>1</sup> Manakala, jenis coronavirus yang menjadi pandemik yang melanda dunia saat ini adalah novel coronavirus 2019 (COVID-19) atau juga dikenali 2019-nCoV yang mula dikesan di wilayah Wuhan, China akhir Disember 2019.<sup>2</sup> Dengan itu, pada 11 Mac 2020, World Health Organization (WHO) mengeluarkan kenyataan bahawa nama rasmi bagi wabak tersebut adalah Coronavirus Disease (COVID-19).<sup>3</sup>

Di Malaysia sendiri, COVID-19 mula merebak pada 23 Januari 2020, menurut laporan yang diterima oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), terdapat tiga kes disyaki dijangkiti COVID-19 iaitu dua kes di Sabah dan satu kes di Selangor. Namun begitu, KKM mengesahkan kes di Sabah adalah negatif. Pada 24 Januari 2020, KKM memaklumkan bahawa terdapat lapan kontak rapat kepada kes pertama COVID-19 2019 di Singapura telah berada di Johor Bahru dan dalam proses kuarantin. Keesokan harinya iaitu 25 Januari 2020, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad iaitu mantan Menteri Kesihatan mengesahkan kes pertama COVID-19 yang melibatkan tiga warga China yang masuk ke Malaysia melalui Johor dari Singapura pada 23

---

<sup>1</sup> Kementerian Kesihatan Malaysia, *Soalan Lazim Penyakit Coronavirus (COVID-19)*, Dipetik dari <http://www.myhealth.gov.my/wp-content/uploads/FAQ-COVID-19.pdf> pada 21 Mei 2021.

<sup>2</sup> Di Wu, Tiantian Wu, Qun Liu & Zhicong Yang, *The SARS-CoV-2 Outbreak: What We Know*, *International Journal of Infectious Diseases*, Vol. 94, 2020, hlm. 1-10.

<sup>3</sup> World Health Organization, *General's Opening Remark at media briefing on COVID-19 -11 March 2020*, 2020, 21 Mei 2022.

Januari 2020.<sup>4</sup>

Peningkatan jumlah kes jangkitan amat membimbangkan sehingga pihak kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara telah mengambil keputusan untuk mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau *Restricted Movement Order* di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 334). Perintah ini berkuatkuasa pada 18 Mac hingga 31 Mac 2020, dengan mengambil kira 14 hari tempoh inkubasi virus COVID-19.<sup>5</sup> Namun begitu, bilangan kes positif tidak menunjukkan angka penurunan, dengan itu, PKP Fasa 2 telah disambung sehingga 14 April 2020.<sup>6</sup>

PKP ini dilaksanakan sebagai satu bentuk tindakan serta inisiatif pencegahan penularan dengan cara memutuskan rangkaian COVID-19 terutamanya kepada pesakit yang dijangkiti daripada kontak yang tidak dikenali.<sup>7</sup> Secara keseluruhannya, kajian ini merupakan kajian ilmiah yang akan membahaskan mengenai sejarah penyebaran penyakit COVID-19 di Malaysia pada tahun 2019 hingga 2021.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian yang pertama adalah untuk mengetahui geneologi sejarah dengan menekankan punca penyebaran hingga tercetusnya tiga gelombang COVID-19 di Malaysia. Perkara tersebut adalah penting kerana kajian mengenai sejarah penyebaran COVID-19 di Malaysia pada tahun 2019 hingga 2021 masih amat kurang pendedahan dan penerokaan khususnya daripada penyelidik tempatan. Secara harfiah, geneologi lengkap mengenai COVID-19 belum ditangani secara tuntas oleh penyelidik sebelumnya hingga mendorong pengkaji menjalankan penyelidikan lanjutan. Hal ini kerana, mempelajari sejarah apatah lagi sejarah

---

<sup>4</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, *Kajian Kes Impak Perintah Kawalan Pergerakan kepada Penduduk Malaysia*, Newsletter DOSM/BPPD/1.2020/Siri 17, Putrajaya: Malaysia, 2020, hlm. 1.

<sup>5</sup> Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, *Kenyataan Media MKN: Perincian Perintah Kawalan Pergerakan*, 2020, 21 Mei 2021.

<sup>6</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, *Kajian Kes Impak...*, hlm. 1.

<sup>7</sup> *Ibid.*

negara sendiri amatlah penting agar pemahaman dan pengetahuan berkisar tentang geneologi penyebaran COVID-19 di Malaysia dapat difahami serta dijadikan iktibar serta pengajaran di masa hadapan. Memetik kata-kata seorang ahli falsafah. George Santayana mengenai sejarah "... mereka yang tidak mengingati kesilapan lalu pasti akan mengulanginya kembali...".<sup>8</sup> Walaupun penemuan COVID-19 ini merupakan penyakit baharu yang belum pernah berlaku dalam catatan sejarah namun menerusi pengalaman sebelumnya dalam menangani penyakit berjangkit lainya iaitu *MER-CoV* dan *SARS*, ini sedikit sebanyak memberi pengetahuan dan bantuan awal dalam menangani penyebaran COVID-19 ini.

Seterusnya, permasalahan yang kedua adalah tentang cabaran dan implikasi yang dihadapi oleh negara dan masyarakat semasa penyebaran COVID-19 di Malaysia. Hal ini kerana, selaku saksi prota yang terlibat menyaksikan kejadian penularan COVID-19 dalam negara serta menghadapi secara langsung rintangan dan impak susulan pandemik COVID-19. Dengan itu, menerusi pengalaman ini, pengkaji akan menjelaskan secara rinci serta objektif bagi melengkapkan rekod penulisan mengenai COVID-19. Dalam masa yang sama, memastikan penulisan ini bernilai sejarah iaitu sejarah sosial dengan menumpukan kepada COVID-19. Meskipun, pandemik COVID-19 masih bergulir dan belum menemui kesudahannya dalam tempoh 2019 hingga 2021. Namun, setidaknya menerusi penulisan ini, beberapa cabaran dan implikasi COVID-19 dapat dirungkai oleh pengkaji meskipun menghadapi permasalahan dari segi sumber maklumat. Ini kerana, terdapat pelbagai penemuan fakta-fakta baru mengenai cabaran COVID-19 sering bermunculan. Ini disebabkan keseringan melayari internet untuk mengetahui perkembangan COVID-19 telah menyebabkan limpahan maklumat berlaku dan pada akhirnya tidak mengetahui kesahihan sebenar maklumat yang diterima.<sup>9</sup> Misalnya, terdapat segelintir masyarakat yang menyebarkan maklumat tidak sahih yang menyatakan kandungan vaksinasi tidak halal dan tidak selamat.<sup>10</sup> Oleh itu,

---

<sup>8</sup> George Santayana, *The Life of Reason: The Phases of Human Progress*, South Carolina: BiblioBazaar, 2008, hlm. 82.

<sup>9</sup> Norsiah Abdul Hamid, *Pandemik COVID-19 dan Kebergantungan kepada Media*, 2020, Dipetik daripada <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1851891> pada 11 Ogos 2022.

<sup>10</sup> Kementerian Kesihatan Malaysia, *Vaksin COVID-19 Menurut Perspektif Islam*, 2020, Dipetik dari <https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2021/01/vaksin-covid19-menurut-perspektif-islam> pada 11 Ogos 2022.

perkongsian maklumat yang berlebihan akan membawa kepada kesukaran menemukan sumber yang tepat untuk digunakan pengkaji semasa menjalankan kajian.

Permasalahan yang ketiga adalah mengenai inisiatif-inisiatif kerajaan mengatasi masalah penyebaran COVID-19 di Malaysia. Hal ini disebabkan, rakyat kurang peka terhadap pematuhan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang merupakan bentuk inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan dalam membendung rantaian COVID-19 di Malaysia. Pada pendapat pengkaji, kesedaran rakyat mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh kerajaan dengan harapan rantaian penyakit ini dapat diputuskan masih lagi rendah. Ini terbukti menerusi bilangan peningkatan kes positif COVID-19 yang berlaku setiap hari. Malahan, pertambahan kes jangkitan COVID-19 juga tercetus menerusi kluster-kluster baharu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kurangnya kesedaran terhadap pematuhan SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.<sup>11</sup> Bukan itu sahaja, masyarakat bersikap saling menuding jari antara satu sama lain apabila *baseline* data COVID-19 tidak menunjukkan penurunan dan menyebabkan PKP dilanjutkan dalam tempoh yang panjang. Tambahan pula, pihak kerajaan sering kali dipersalahkan akibat peningkatan kes positif COVID-19.<sup>12</sup> Dengan itu menerusi kajian ini, pengkaji akan memfokuskan inisiatif yang telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia dalam membendung masalah penyebaran COVID-19 di Malaysia.

Namun begitu, kewujudan COVID-19 telah memaksa masyarakat negara ini beradaptasi dengan norma baharu dalam kehidupan. Justeru, bersandarkan kepada geneologi penyebaran COVID-19 yang menimbulkan cabaran dan implikasi sehingga membawa kepada beberapa inisiatif daripada kerajaan telah menimbulkan beberapa persoalan antaranya:

- i. Apakah geneologi sejarah COVID-19 di Malaysia.

---

<sup>11</sup> Eleanor Michelle Patrick, COVID-19: Kenduri Kesyukuran Cetus Kluster Baharu, *Astro Awani*, 2021, 11 Ogos 2022.

<sup>12</sup> Ravin Palanisamy, Ramai Kecam SOP COVID-19 Tahun Baru Cina, *The Malaysian Insight*, 2021, 11 Ogos 2022.

- ii. Sejauhmanakah cabaran dan implikasi yang dihadapi oleh rakyat Malaysia semasa penyebaran COVID-19 di Malaysia.
- iii. Bagaimanakah kerajaan Malaysia berinisiatif dalam mengawal masalah penyebaran COVID-19 di Malaysia.

### **1.3 Objektiv Kajian**

Objektif kajian adalah meliputi kepada tujuan keseluruhan sesebuah kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik. Penyelidik telah menggalurkan tiga objektif dalam kajian ini. Antaranya ialah:

- i. Membahaskan geneologi sejarah COVID-19 di Malaysia.
- ii. Meneliti cabaran dan implikasi yang dihadapi oleh masyarakat Malaysia semasa penyebaran COVID-19 di Malaysia.
- iii. Menganalisis inisiatif kerajaan Malaysia mengawal masalah penyebaran COVID-19 di Malaysia.

### **1.4 Sorotan Literatur**

Sejarah penyebaran COVID-19 di Malaysia menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian kerana menimbulkan banyak persoalan. Oleh itu, beberapa sorotan kajian lepas telah digunakan pengkaji yang nantinya diharap akan membawa melancarkan semasa proses penulisan kajian mengenai COVID-19. Pengkaji telah membahagikan sorotan kajian mengikut tema untuk memudahkan pengkaji menjalankan sorotan literatur. Tema yang disenaraikan adalah berdasarkan objektif kajian yang ingin dicapai. Secara umumnya, sorotan literatur yang dipersembahkan dalam kajian kali ini membahaskan kepada tiga tema meliputi geneologi sejarah penyebaran COVID-19, cabaran dan implikasi penyebaran COVID-19 dalam kalangan masyarakat dan inisiatif kerajaan dalam

mengawal penularan COVID-19 di Malaysia.

#### **1.4.1 Geneologi Sejarah COVID-19 di Malaysia**

Latar belakang mengenai penyebaran COVID-19 secara umum dihuraikan oleh Mohd Hapiz dan Zakiah tentang kawalan penularan wabak merbahaya, mereka menyatakan bahawa dunia dikejutkan dengan satu pandemik virus merbahaya yang dikenali sebagai Novel Coronavirus. Virus ini juga dapat memberi kesan serta jangkitan pada sistem saluran bernafasan manusia. Ianya mula dikesan dari wilayah Wuhan, China pada akhir Disember 2019.<sup>13</sup> Manakala, hasil penyelidikan Alwan Taufiqurrohman, Firdy Ganjar, Frans Hill *et.al.*, dalam artikelnya yang bertajuk Analisis Bahaya COVID-19 untuk Upaya Pencegahan Penyebaran pada Fasilitas Umum Taman Kota. Menurut penulis, COVID-19 adalah nama penyakit yang disebabkan oleh virus corona dan secara rasmi disahkan oleh World Health Organization (WHO). Viruscorona yang menyerang saluran pernafasan dapat menyebabkan demam tinggi, batuk, sesak nafas dan sakit tekak. Virus ini juga adalah keluarga besar virus yang menyebabkan penyakit pada haiwan mahupun manusia. Dengan itu, virus ini dapat menghilangkan nyawa sehingga WHO menjadikan status rasmi viruscorona sebagai suatu pandemik.<sup>14</sup>

Selain itu, punca penyebaran COVID-19 secara khusus di Malaysia pula dihuraikan oleh Asan Ali Golam, Nanthakumar, Maznieda *et.al.* Menurut penulis, kes pertama COVID-19 dikesan pada 25 Januari iaitu melibatkan tiga orang pelancong daripada China yang memasuki Malaysia melalui Johor pada 23 Januari 2020. Pada 4 Februari, dilaporkan bahawa seorang rakyat Malaysia berumur 41 tahun dari Selangor, antara dua kes baharu positif COVID-19 dan satu lagi melibatkan warga China berumur 63 tahun yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 18 Januari. Pada 6 Februari pula, dilaporkan bahawa seorang

---

<sup>13</sup> Mohd Hapiz Mahaiyadin & Zakiah Samori, Kawalan Penularan Wabak Merbahaya Menurut Perspektif Siasah Syar'iyah, *Journal of Fatwa Management and Research*, Vol. 22 (1), 2020, hlm. 27. DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol22no1.322>.

<sup>14</sup> Alwan Taufiqurrohman, Firdy Ganjar, Frans Hill *et.al.*, Analisis Bahaya COVID-19 untuk Upaya Pencegahan pada Fasilitas Umum Taman Kota dengan Menerapkan Metode Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC), *Jurnal Ilmiah dan Teknik Industri Universitas Kadirj*, Vol. 4 (1), 2020, hlm. 55.

wanita rakyat Malaysia menjadi kes pertama jangkitan tempatan. Dengan itu, gelombang pertama kes COVID-19 (*first wave of cases*) bermula pada 16 Februari dengan mencatatkan bilangan kes seramai 22 orang (kes pertama sehingga kes ke-22) manakala gelombang kedua pula bermula sejak 27 Februari 2020 sehingga 20 April 2020, iaitu bermulanya peningkatan kes ke-23 dan melibatkan 89 jumlah kematian.<sup>15</sup>

#### **1.4.2 Cabaran dan Implikasi Penyebaran COVID-19 di Malaysia**

Cabaran COVID-19 menerusi penulisan daripada Khatijah Othman menjelaskan berkenaan cabaran yang dihadapi institusi kekeluargaan semasa pandemik COVID-19. Antaranya, kesukaran memantau perjalanan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), pertindihan jadual bekerja dengan jadual PdPR anak-anak, menghadapi *burnout* akibat tekanan kehidupan semasa COVID-19 yang salah satunya disebabkan kehilangan punca pendapatan. Tidak hanya itu, gangguan semasa PdPR juga sering terjadi ekoran suasana persekitaran yang tidak kondusif. Tambahan pula, penulis menyingkapi perubahan-perubahan yang berlaku secara saksama dengan melengkapkan penulisan dengan beberapa implikasi positif yang dapat diaplikasi dalam insutusi kekeluargaan. Misalnya, membuat perancangan bagi menyesuaikan jadual kerja, jadual mengurus rumah serta jadual pembelajaran anak-anak.<sup>16</sup>

Implikasi penyebaran COVID-19 secara umum dihuraikan oleh Philipson Jeremy dengan menyatakan bahawa kesan pandemik COVID-19 mendorong tercetusnya impak buruk terhadap semua kehidupan komuniti sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Ianya bermula dengan mereka yang jatuh sakit, kemudian dikenakan sekatan sosial oleh pemerintah sehingga menjejaskan aktiviti ekonomi dan sekaligus mempengaruhi pendapatan isi rumah dan perniagaan luar

---

<sup>15</sup> Asan Ali Golam, Nanthakumar, Maznieda *et.al.*, *Impak COVID-19 ke atas Status Sosioekonomi dan Kesihatan Masyarakat Orang Asli*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2020, hlm. 1.

<sup>16</sup> Khatijah Othman, Cabaran dan Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Institusi Kekeluargaan di Malaysia, *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, Vol. 14, 2021, hlm.190- 193.

bandar.<sup>17</sup>

Di Malaysia sendiri, implikasi penyebaran COVID-19 turut dinyatakan oleh penulis Asyraf Salleh yang menyatakan bahawa hasil tinjauan pusingan pertama oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM), mendapati bahawa pendapatan individu terjejas ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Dari segi pekerjaan pula, pekerja yang paling ramai terjejas adalah sektor pertanian diikuti sektor perkhidmatan dan sektor industri. Bukan itu sahaja, hasil kajian yang dikeluarkan oleh Institusi Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) bahawa dianggarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi tahun 2020 akan menguncup dari 4.0 peratus kepada negatif 2.9 peratus. Malahan, MIER menganggarkan sebanyak 2.4 juta pekerja kehilangan pekerjaan yang mana 67 peratus dalam kalangan mereka merupakan kategori pekerja tidak mahir. Hal ini jelas menggambarkan ekonomi negara mengalami penurunan ekoran daripada penyebaran COVID-19 di Malaysia.<sup>18</sup>

Hal yang sama turut dinyatakan Nurul Adilah dan Asmak bahawa penyebaran COVID-19 tentunya memberi implikasi kepada ekonomi rakyat. Hal ini berlaku disebabkan keterbatasan pergerakan rakyat untuk melakukan pekerjaan yang tentunya menjejaskan pendapatan dan perbelanjaan rakyat.<sup>19</sup> Hal ini dibuktikan menerusi pemerhatian dan pengumpulan maklumat yang dilakukan Jabatan Perangkaan Negara mendapati antara golongan rakyat yang terkesan adalah mereka yang bergelar majikan, pekerja swasta mahupun kerajaan, peniaga, petani dan nelayan. Golongan-golongan tersebut terkesan akibat pelaksanaan PKP yang mengakibatkan mereka kehilangan pekerjaan, pendapatan, pemotongan gaji, perniagaan atau premis terpaksa ditutup, permintaan dan jualan berkurang daripada pemborong dan peniaga serta gangguan semasa bekerja.<sup>20</sup>

---

<sup>17</sup> Philipson Jeremy, *The COVID-19 Pandemic and Its Implications for Rural Economies*, *MDPI*, Vol. 12 (10), 2020, hlm. 3. DOI: <http://dx.doi.org/10.3390/su12103973>.

<sup>18</sup> Asyraf Salleh, *The Great Lockdown: Unjuran Baharu Ekonomi Malaysia*, Kuala Terengganu: Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS), 2020, hlm. 5.

<sup>19</sup> Nurul Adilah & Asmak Ab Rahman, Peranan Pemegang Taruh dalam Menjaga Kebajikan Ekonomi Rakyat semasa Pandemik COVID-19 dari Perspektif Ekonomi Islam, *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, Vol. 17, 2020, hlm. 74.

<sup>20</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, *Kajian Kes Impak...*, hlm. 3.